



**Fokus**

**KANAK-KANAK**  
mengharapkan  
orang dewasa  
untuk melindungi  
mereka bukan  
menyakiti.

*fokus 22/11/12 MS 2*

**Pastikan taska bukan  
tempat penderaan**

**KEBANJIRAN** pusat jagaan kanak-kanak atau taman asuhan kanak-kanak (taska) dilihat sebagai tempat mudah untuk menjaga kanak-kanak selain ibu bapa memilih menghantar anak-anak mereka ke rumah pengasuh.

Kewujudan tempat ini juga sangat membantu ibu bapa yang keluar bekerja dan tidak menggunakan khidmat pembantu rumah untuk menguruskan anak mereka.

Namun, ibu bapa perlu sedar bukan semua tempat jagaan ini selamat untuk kerana terdapat sebahagiannya masih mengutamakan keuntungan berbanding keselamatan kanak-kanak.

Pakar Psikologi, Jabatan Pendidikan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), **Profesor Madya Dr. Mariani Md. Nor** berkata, beberapa kriteria penting perlu dipraktikkan oleh ibu bapa sebelum mengambil

keputusan menghantar anak mereka ke pusat asuhan kanak-kanak atau Taman asuhan kanak-kanak.

"Seeloknya sebelum menghantar anak-anak, pastikan tempat tersebut berdaftar dan diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Kemudian, buat kajian untuk mengetahui sejarah sama ada pernah terdapat kes penderaan sebelum ini kepada kanak-kanak yang dijaga di situ.

"Untuk jaminan keselamatan anak-anak kenal pasti pengasuh di pusat jagaan yang hendak dihantar untuk memastikan mereka terdiri dari pengasuh yang berpengalaman dan telah menjalani kursus yang sepatutnya," kata Dr. Mariani.

Katanya lagi, setelah dikenal pasti ketiga-tiga aspek ini keputusan terletak di tangan kedua ibu bapa kerana pengesanan sebarang kemusykilan pada peringkat awal dapat elakkan anak-anak daripada menjadi mangsa dera.

"Jika ibu bapa dapat mengesan tingkahlaku pengasuh yang bekerja di situ berpotensi menjadi pendera, langkah awal mengeluarkan anak mereka lebih baik daripada mengkalkalkan anak mereka di situ," katanya.

Selain itu, Dr. Mariani berkata, untuk mengenali latar belakang dan sikap pengasuh yang berpotensi

menjadi pendera, ibu bapa harus bijak berkomunikasi secara telus dan mesra dengan mereka.

"Jangan menganggap pengasuh sebagai orang gaji untuk menjaga anak-anak. Perbualan mesra di antara ibu bapa dan pengasuh dapat mengesan tingkah laku mereka apabila berhadapan dengan kanak-kanak selain cara berkesan untuk mengetahui sikap mereka."

"Dalam pada masa yang sama, panggilan pemantauan untuk anak baik di rumah penjaga mahupun di tempat jagaan perlu sentiasa ada dan tidak berkala mengikut waktu tetap supaya pengasuh tidak dapat kesan niat sebenar ibu bapa," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa yang prihatin pasti dapat mengesan sebarang perubahan yang berlaku pada anak-anak mereka dari segi fizikal, tingkah laku dan juga emosi.

"Akan berlaku perubahan fizikal dan emosi kanak-kanak yang didera. Daripada seorang yang periang akan berubah menjadi pendiam selain gemar bersendirian.

"Sebagai langkah awal untuk mengesan berlaku penderaan kepada kanak-kanak, ibu bapa perlu memeriksa keseluruhan tubuh anak mereka dari bahagian kepala sehingga kaki terutamanya sebelum menghantar dan selepas mengambil dari tempat asuhan. Mereka boleh lakukan cara ini ketika sedang memandikan anak mereka," kata Dr. Mariani.

Tambah beliau, sebelum mengambil keputusan untuk menghantar kanak-kanak ke tempat asuhan, ibu bapa perlu bersedia dari aspek psikologi, mental, fizikal dan sosial demi keselamatan anak mereka.

"Mereka perlu tahu tempat tersebut berada di kawasan yang sepatutnya iaitu tidak terletak di tepi jalan atau lebuhraya yang sibuk, bukan berada rumah kedai kerana ditakuti akan berlaku gangguan mental kepada kanak-kanak disebabkan perasaan takut dan bising.

"Pastikan juga sebelum menghantar anak-anak ke tempat asuhan, ibu bapa melihat dahulu kelompok individu yang menghantar anak mereka ke situ supaya tidak berlaku sebarang masalah pada masa akan datang," katanya.



**DR. MARIANI MD. NOR**